

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Budaya dan Seni -PBS
Sent: Sunday, October 28, 2018 9:16 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUM Naib Johan Pertandingan Bintang P.Ramlee MAKUM



"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"

(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

28 OKTOBER 2018, AHAD | 19 SAFAR 1440H



HEP: Dalam usaha menghargai karya Seniman Agung Tan Sri P. Ramlee, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dengan Kerjasama Majlis Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (MAKUM) telah menganjurkan Pertandingan Bintang P.Ramlee MAKUM 2018 pada 26 Oktober baru-baru ini bertempat di Pentas Utama, Tapak Festival Konvokesyen UniMAP.

Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Pusat Budaya dan Seni (PBS) tidak ketinggalan dengan penyertaan dari Muhammad Amir Mohd Zuki dan Nur Aisyah Shaipol Shahrin yang mendendangkan lagu 'Jangan Tinggal Daku dan 'Di Mana Suara Burung Kenari' telah berjaya merangkul Naib Johan dan sekali gus berjaya membawa pulang wang tunai bernilai RM1,000, trofi dan sijil penyertaan.

Johan dimenangi oleh Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Tempat Ketiga pula oleh Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) yang masing-masing membawa pulang wang tunai, trofi dan sijil penyertaan.

Menurut Pengarah PBS, Huzaidy Hussain, pertandingan ini adalah satu platform yang baik bagi mengetengahkan bakat dan menjadi medan menghargai karya-karya Seniman Agung Tan Sri P.Ramlee.

"Kemenangan bukan objektif utama tetapi ini adalah usaha bagi mengenang jasa serta peninggalan seniman besar itu daripada dilupakan oleh generasi muda.

"Bersama dengan kenangan jasa-jasa P.Ramlee kita sertakan jiwa raga dan segala kekuatan yang ada untuk menempuh pelbagai rintangan yang muncul dalam bidang seni," katanya.

“Ini adalah usaha serampang dua mata yang dijalankan dengan penyertaan oleh UUM dalam mendedahkan mahasiswa dan meningkatkan kemahiran insaniah untuk menghadapi dunia pekerjaan nanti,” katanya lagi.

Sementara itu, Amir berkata, pertandingan ini antara usaha murni untuk mencungkil bakat nyanyian dan sekali gus pertandingan ini juga dapat memartabatkan karya seniman Tan Sri P. Ramlee ke pentas yang lebih tinggi yang seterusnya dihidangkan kepada masyarakat melalui medium persembahan dan apresiasi seni.

“Kemenangan ini adalah tidak disangka sama sekali kerana penyertaan universiti yang bertanding adalah hebat-hebat belaka dan berpengalaman.

“Kejayaan ini akan dijadikan inspirasi untuk saya bergerak lebih maju ke hadapan” katanya mengakhiri perbualan.

Daripada:

PUSAT BUDAYA DAN SENI
JABATAN HAL EHWAL PELAJAR
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL : 04-928 4215
FAKS : 04-928 4222
EMAIL : pbs@uum.edu.my
WEB : <http://pbs.uum.edu.my>



Save a tree.

Please don't print this e-mail unless it's necessary.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.